

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUBANG PASU — PERDANA MENTERI

ALOR SETAR — Kubang Pasu, salah sebuah daerah di Kedah yang kini sudah pun terkenal sebagai kawasan yang diwakili di Parlimen oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dijangka menjadi lebih maju terutama segi bersemita, indah dan aman.

Datuk Seri Dr. Mahathir mahu menjadikan Kubang Pasu kawasan contoh dari aspek-aspek tersebut dan telah pun meminta sokongan dari penduduk-penduduk di situ untuk menjadikan impiannya itu satu kenyataan.

Dalam satu pertemuan dengan penduduk Kubang Pasu baru-baru ini, Perdana Menteri mengemukakan hasratnya untuk melihat Kubang Pasu bersemita dan cantik dan rakyatnya hidup dalam keadaan aman dan makmur.

Dari segi bersemita dan cantik, Datuk Seri Dr. Mahathir mahu menjadikan kawasan-kawasan rumah ditanam dengan pokok-pokok serta di-
jaga pula tanpa membiarkan semak-semak 'berkuasa' sementara keamanan dan kemakmuran hidup rakyatnya diertikan sebagai hidup sempurna dengan semangat berjinan dan saling membantu.

"Saya akan berasa bangga untuk mewakili satu kawasan yang begitu bersemita, cantik dan aman makmur," katanya kepada lebih 500 penduduk Kubang Pasu di majlis kesyukuran sempena kemenangannya dan dua calon Barisan Nasional lain dalam pilihanraya umum lalu.

Bersih

Semasa meluaskan kerahatya itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kebersihan dan kecantikan memang diakui manusia, bahkan dalam sendiri mengajurkan umatnya supaya suci dan bersih.

"Oleh itu, Kerajaan tidak akan mengabaikan sebarang usaha untuk memelihara dan meningkatkan kecantikan kawasan rumah orang per-seorangan kerana tugas yang senang itu terserah kepada tuan punya rumah sendiri," katanya.

Oleh MAHRUS IBRAHIM

Bellau juga kurang puas hati melihat kawasan-kawasan tertertamai dan tanah-tanah lapang tinggal terbiar tanpa dijaga.

Sebenarnya apa yang diinginkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir ialah supaya penduduk-penduduk di situ melaburkan diri secara sukrela dan bekerjasama serta menjadikannya sebagai pusat pembangunan yang baik di negara ini.

Contoh penghidupan yang baik juga bergantung kepada kedudukan ekonomi yang sempurna dan dalam hal ini, Perdana Menteri berharap penduduk-penduduk Kubang Pasu akan melaburkan diri secara aktif dalam perubahaan kecil seperti memproses buluh, kayu, rotan, tanah liat dan kerja jahit-menjahit.

Menyentuh

Kerajaan akan menggalakkan perubahaan jenis ini di kawasan seperti Kubang Pasu agar bahan-bahan yang banyak terdapat di situ diusahakan sepenuhnya.

Apa yang menjadi tandatanya sekarang ialah sama ada penduduk-penduduk Kubang Pasu telah bersedia menyambut mereka itu dan melaksanakan apa yang dicita-citakan.

Datuk Haji Osman Aroff, Wakil Rakyat Jitra, salah satu dari dua kawasan Dewan Undangan Negeri di kawasan Parlimen Kubang Pasu berkata, keseluruhan penduduk di situ telah menyambut baik hasrat Perdana Menteri itu.

Bellau menitikberatkan tugas menjadikan Kubang Pasu bersemita, cantik dan aman sebagai satu tanggungjawab bersama semua peringkat masyarakat Kubang Pasu sendiri — dari pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin politik, ketua-ketua kaum dan rakyat jelata.

Datuk Osman berpendapat langkah pertama dan yang paling penting ialah untuk menancikan dulu

kawasan kesemua pejabat kerajaan yang terdapat di Kubang Pasu.

Kebersihan dan kecantikan pejabat-pejabat kerajaan akan membuka mata rakyat jelata terhadap kehebatan Perdana Menteri itu serta juga akan menjadi contoh yang baik kepada semua penduduk tempatan.

Langkah kedua, menurut Datuk Osman, ialah dengan mengadakan satu kempen besar-besaran untuk menancikan konsep yang dimaksudkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan kempen ini mestilah melibatkan beberapa peringkat seperti Jabatan Penerangan, parti dan juga ketua-ketua kampung.

"Sekiranya penduduk benar-benar faham cita-cita pemimpin mereka itu, mereka tentu akan memberi sambutan yang menggalakkan," katanya.

"Setiap anggota keluarga di Kubang Pasu juga dikehendaki sedar atas tanggungjawab masing-masing kerana kebersihan dan kecantikan kawasan rumah juga bererti kebersihan dalam rumah sendiri bukan selatkat kawasan di luar saja," kata bellau.

Sambutan

Datuk Osman berpendapat kejayaan cita-cita itu akan mengambil masa yang lama tetapi apa yang penting ialah "ianya mesti bermula."

Sekiranya seorangan penduduk itu mula menancikan kawasan rumahnya, tentu jirannya akan mengikut langkahnya itu dan proses tersebut akan berterusan, kata Datuk Osman.

Selain itu, beliau mengemukakan harapan kepada penduduk-penduduk Kubang Pasu untuk mengemukakan kerjaya yang baik dengan mengemukakan kerjaya mereka untuk bersama-sama berusaha menjaga kebersihan kawasan.

Datuk Osman, yang juga Ahli Exco Kerajaan Kedah berkata bagi pihak Kerajaan, ia akan menjaga kebersihan jalan-jalan serta juga pembangunan-bangunannya.

Bellau berancang mengadakan peribincangan dengan pihak-pihak tertentu untuk mengutar langkah-langkah yang sesuai bagi maksud tersebut tidak lama lagi.

Rancangan ini memerlukan satu penyusunan yang rapi agar tidak menjadi hangat-hangat lagi syam sahaja," katanya.

Cantik

Sebenarnya, sebelum Perdana Menteri melancarkan harapannya itu untuk melihat Kubang Pasu cantik dan bersemita, pihak berkuasa tempatan di situ telah pun mengambil daya usaha sendiri memanam pokok-pokok untuk menghiasikan sekitar bandar.

"Tetapi malangnya, pokok-pokok yang ditanam nanti dimakan ulat," kata Pegawai Daerah Kubang Pasu, Encek Jamil Jamaludin.

Oleh itu, beliau benar-benar berharap satu sikap yang tulen dapat diwujudkan di kalangan penduduk tempatan di mana apabila mereka melihat pokok-pokok itu ditanam di hadapan kawasan masing-masing, mereka sendiri akan tolong menjaganya serta menyiramnya.

Selain itu, beliau juga berharap para penduduk akan dapat memotong rumput-rumput yang hidup meliar dekat kawasan masing-masing, sungguhpun tugas itu adalah di bawah pekerja-pekerja Majlis Daerah Tempatan.

"Semangat ingin membantu ke arah menancikan bandar sendiri seperti inilah yang amat penting di sini di kalangan penduduk tempatan untuk menjadikan cita-cita Perdana Menteri itu," katanya.

Tanaman

Encek Jamil juga mencadangkan supaya penduduk-penduduk Kubang Pasu mula menanam pokok-pokok yang boleh mendatangkan hasil seperti mempelam atau ubi kayu dan orkid di perkarangan rumah masing-masing.

Bellau berharap mereka tidak menunggu begitu lama untuk menanam pokok-pokok yang memberi hasil.

Sementara itu, Encek Saad bin Taib, seorang penduduk Jitra berkata beliau amat tertarik dengan tujuan Perdana Menteri itu.

"Sekiranya cita-cita itu tercapai, bukan Perdana Menteri sahaja yang boleh bangga kerana mewakili Kubang Pasu, tetapi saya juga akan berbangga kerana menjadi sebahagian dari Kubang Pasu itu sendiri," katanya.

Bellau telah pun mengemukakan sebahagian dari masa lapangnya di sebelah petang untuk menjaga dan membersihkan kawasan rumahnya dan berharap semua penduduk Kubang Pasu akan turut berbuat demikian. — Bernama.



● PERDANA Menteri bersama penduduk setempat sebelum membongkar undi dalam pilihanraya



● PERDANA Menteri diiringi oleh Menteri Besar Kedah, disambut oleh penyokong-penyokong Barisan Nasional.